

Meningkatkan Kemahiran Penulisan Melalui Feed Forward

Norazian Mohamed Yahya

norazian_mohamed_yahya@schools.gov.sg

Hannah Nadhirah Lokman

hannah_nadhirah_lokman@schools.gov.sg

Sekolah CHIJ Katong Convent

Abstrak

Seringkali penilaian sumatif menjadi fokus utama guru untuk melihat tahap perkembangan para pelajar. Markah yang diperoleh pelajar tidak dapat memastikan bahawa pelajar telah mencapai kemahiran bahasa yang diinginkan. Oleh itu, pengkaji telah melakarkan kaedah pengajaran menggunakan model *Dialogic Feedback Cycle* untuk melibatkan pelajar dalam aspek penilaian *Feed Forward* bagi latihan penulisan karangan. Untuk meningkatkan pembelajaran para pelajar, maklum balas perlu difahami dan kemudian digunakan oleh pelajar untuk merapatkan jurang pembelajaran. Kajian pengajaran ini telah dijalankan untuk pelajar Menengah 2 aliran Ekspres dan Normal Akademik dalam Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman menggunakan model maklum balas ini membantu para pelajar mengatur pembelajaran mereka sendiri dan meningkatkan prestasi pelajar dalam penulisan.

Kata Kunci: penulisan, penilaian sendiri, maklum balas



PENGENALAN

Perubahan pada landskap pendidikan Singapura yang kini berusaha untuk menuju ke arah sistem penilaian yang lebih seimbang amat dialukan. Kini, lebih banyak sekolah telah beralih dari penilaian yang berunsur sumatif kepada penilaian untuk pembelajaran (AfL). Dengan lebih banyak penekanan diberikan pada AfL, para guru juga telah digalakkan untuk meningkatkan literasi penilaian terutamanya dalam memberikan maklum balas yang berkualiti dan berkesan agar dapat menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan para pelajar. Dalam kajian ini, para pelajar telah didedahkan kepada pemahaman maklum balas yang diberikan bagi aspek penulisan karangan mereka dan kemudian digunakan bagi merapatkan jurang antara tahap pembelajaran yang ditunjukkan sebelumnya dengan tahap pembelajaran atau prestasi yang mereka ingin capai dalam jangka masa tertentu. Kaedah pengajaran menggunakan model *Dialogic Feedback Cycle* yang melibatkan pelajar secara aktif dalam aspek penilaian *Feed Forward* berpotensi untuk menyediakan persekitaran dan pemerancangan yang selamat dan sistematik bagi membantu para pelajar mengatur pembelajaran mereka sendiri serta meningkatkan prestasi para pelajar dalam penulisan.

PERNYATAAN MASALAH

Proses memberi maklum balas merupakan salah satu usaha para guru untuk membantu para pelajar dalam mempertingkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Ini jelas dapat dilihat terutama sekali dalam memarkahi dan menilai hasil penulisan pelajar. Guru akan cuba memberikan maklum balas sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis dengan harapan agar para pelajar dapat memahami kekuatan atau kelemahan mereka dan kemudian cuba untuk memperbaiki hasil penulisan mereka dengan melakukan pembetulan. Sungguhpun begitu, proses sebegini kurang menggambarkan sama ada maklum balas yang diberikan guru itu berkesan dan para pelajar mampu untuk menggunakan maklum balas guru bagi meningkatkan hasil penulisan mereka.

Di Sekolah CHIJ Katong Convent, proses ini merupakan cabaran utama bagi para guru kerana kerap kali guru akan berusaha untuk memberikan



maklum balas kepada para pelajar secara terperinci. Ini agak meletihkan para guru terutama sekali bagi guru yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Tambahan, para pelajar kurang memahami maklum balas yang diberikan dan kurang mampu menggunakan maklum balas yang diberikan untuk meningkatkan hasil penulisan karangan mereka yang seterusnya. Malah, ada segelintir para pelajar yang masih melakukan kesilapan yang sama walaupun maklum balas telah diberikan. Justeru, permasalahan ini telah mendorong guru untuk meneroka penggunaan model *Dialogic Feedback Cycle* bagi menangani masalah yang dihadapi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. menerapkan penggunaan *Feed Forward* dalam proses memberi maklum balas kepada para pelajar; dan
2. menilai keberkesanan model *Dialogic Feedback Cycle* sebagai perancah bagi perkembangan pembelajaran sendiri pelajar dalam penulisan.

KAJIAN LEPAS

Konsep *Feedup*, *Feedback* dan *Feed Forward* mula diperkenalkan oleh pengkaji Hattie dan Timperley (2007) untuk memberikan penjelasan terhadap tiga soalan utama yang perlu diajukan oleh guru dan/atau para pelajar sebelum maklum balas yang diberikan boleh dianggap efektif. Tiga persoalan yang dikemukakan: Apakah matlamat saya? (*Feedup*), Apakah perkembangan yang sedang diusahakan ke arah matlamat itu? (*Feedback*), dan Apakah aktiviti yang perlu dilaksanakan untuk mencapai kemajuan yang lebih baik? (*Feed Forward*). Maklum balas yang berkualiti berfungsi untuk menjawab ketiga-tiga persoalan di atas bagi mengurangkan jurang kepada tingkatan pembelajaran para pelajar.

Walaupun kualiti maklum balas secara bertulis dianggap penting, kualiti interaksi pelajar dengan komen tersebut sama penting dan mungkin lebih mendesak. Ini disokong oleh pengkaji Leki (1990) yang turut menjelaskan



bahawa tanpa maklum balas yang terarah, pelajar mungkin tidak dapat memahami maklum balas yang diberikan bagi mencapai tujuan penulisan mereka, iaitu untuk menghasilkan versi karangan yang lebih baik. Goldstein (2004) juga akur bahawa sekiranya maklum balas yang terarah diberikan, para pelajar akan lebih terdorong untuk menulis draf karangan yang telah disemak dengan lebih baik, lantas meningkatkan keyakinan diri para pelajar terhadap penulisan mereka. Justeru, maklum balas yang diberikan secara bertulis membawa impak dan kesan yang besar terhadap penulisan dan juga sikap para pelajar terhadap hasil penulisan mereka.

Beaumont et al. (2011) berpendapat bahawa amalan memberi maklum balas boleh dianggap sebagai suatu sistem bimbingan. Ia bukan hanya memberikan penilaian prestasi pelajar secara sumatif, malah menyokong pembelajaran pelajar melalui peluang untuk perbincangan yang mengenal pasti kekurangan lantas menyediakan perancah untuk membantu pelajar mencapai prestasi yang lebih tinggi. Lantas, untuk mencapainya, Beaumont et al. telah mencadangkan tiga peringkat dalam model *Dialogic Feedback Cycle*, yang merangkumi (a) tahap bimbingan persediaan, (b) tahap bimbingan dalam tugas dan (c) tahap maklum balas.

Penggunaan model *Dialogic Feedback Cycle* ini juga mencerminkan model pembelajaran sendiri yang dikemukakan oleh Zimmerman (2008) yang merangkumi tiga fasa, iaitu fasa pemikiran awal, fasa pelaksanaan dan fasa renungan. Namun, model *Dialogic Feedback Cycle* lebih menumpukan cara memberi maklum balas pada dua tahap pertama agar maklum balas dapat diberikan secara berperingkat dan bukan di akhir selepas penghantaran tugas. Ini juga disokong oleh Sadler (1989) yang menegaskan bahawa,

“The only way to tell if learning results from feedback is for students to make some kind of response to complete the feedback loop.”



KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan secara berperingkat ini berbentuk eksperimental yang menggunakan kaedah pemerhatian dan memberi maklum balas. Keputusan ujian Penggal 1 dan peperiksaan akhir tahun juga digunakan sebagai data untuk menilai keberkesanan kaedah yang dijalankan dan impak kepada penulisan karangan para pelajar. Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan pada satu proses pengajaran, iaitu Penilaian dan Maklum Balas. Sila rujuk Jadual 1 bagi penerangan yang lebih terperinci.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|---|--|
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas | AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Hasil kerja para pelajar sering diikuti maklum balas guru sama ada dalam bentuk penulisan atau secara lisan. Berdasarkan maklum balas ini, para pelajar dapat mengenal pasti bahagian yang perlu diperbaiki untuk memastikan tugas yang lebih baik. AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Penggunaan senarai semak berdasarkan kriteria kejayaan, rubrik dan maklum balas digunakan untuk memantau pembelajaran para pelajar. |
| | AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri | AM2: Memantau Pembelajaran Saya Menggunakan Ringkasan 3-2-1 Guru menggunakan rubrik penilaian untuk menyemak hasil penulisan para pelajar (tiada sebarang pemarkahan diberikan bagi latihan karangan dalam kelas) dan simbol pemarkahan agar para pelajar dapat menilai dan merenung pembelajaran serta menggunakan maklum balas untuk meningkatkan kemahiran penulisan pelajar. |



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 2 aliran Ekspres dan Normal Akademik (NA) yang merupakan Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB), mengambil Bahasa Melayu aliran Ekspres. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 22 orang yang mempunyai tahap keupayaan yang pelbagai - keupayaan tahap tinggi, sederhana dan rendah.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah maklum balas secara bertulis yang diberikan oleh para guru bagi setiap karangan sepanjang tahun. Penggunaan rubrik penilaian, senarai semak, borang simbol pemarkahan serta borang refleksi turut digunakan sebagai perancah bagi membantu pelajar memahami dan bertindak terhadap maklum balas yang diberikan. Kemudiannya, borang maklum balas berbentuk digital turut digunakan untuk mengukur tahap pemahaman dan kemajuan para pelajar.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sepanjang tahun. Namun, masa kurikulum yang diperuntukkan setiap penggal melibatkan pelaksanaan selama empat sesi; setiap sesi mengambil masa selama satu jam yang mana pengajaran secara berstruktur dititikberatkan untuk membiasakan para pelajar dengan model *Dialogic Feedback Cycle* yang sering dilakukan. Struktur dalam pengajaran penting untuk memberikan ruang kepada para pelajar untuk memanfaatkan kaedah ini secara berkesan.

Berdasarkan pedagogi *Self-Regulation of Learning* (SRL) yang dikemukakan oleh Zimmerman (2002), apabila pelajar dapat mencari kaitan yang bermakna terhadap tugas yang diberikan, pelajar akan berasa lebih terlibat dan bermotivasi untuk melakukan tugas tersebut. Apabila pelajar berasa yakin dengan kecekapan mereka untuk melakukan tugas yang berkenaan, mereka berasa lebih bersedia untuk berusaha walaupun tugas yang diberikan mencabar. Oleh itu, pembelajaran secara sendiri atau pengawalan



diri dalam pembelajaran ini perlu dilaksanakan secara berperingkat. Perancah proses pembelajaran ini disediakan untuk membolehkan pelajar mengalami kejayaan. Jadual 2 merupakan perincian bagi penggunaan model *Dialogic Feedback Cycle* yang perlu dilaksanakan selama empat sesi.

Jadual 2: Model *Dialogic Feedback Cycle*

| Tahap | Proses Pengajaran |
|---|---|
| <p>Tahap 1: Bimbingan Persediaan (<i>Preparatory guidance stage</i>) Para pelajar memahami standard melalui penjelasan kriteria, perbincangan tugasan, jawapan model, nilai sasaran atau contohan esei.</p> | <p>1. Feed Up: Perbincangan tentang standard atau kriteria kejayaan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerangan rubrik kepada pelajar. Rubrik yang disediakan perlu jelas dan ringkas agar pelajar dapat memahami matlamat pengajaran. • Penerangan senarai semak (kendiri) berdasarkan kriteria kejayaan. • Perbincangan mengenai soalan karangan dan penggunaan contoh hasil karangan (jika perlu). |
| <p>Tahap 2: Tahap bimbingan dalam tugasan (<i>in-task guidance stage</i>) Para pelajar diberi peluang untuk berbincang bersama guru atau rakan sebagai mengenai hasil kerja berdasarkan standard dan kriteria.</p> | <p>2. Tugasan 1: Pelajar akan menghasilkan karangan lengkap.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semak (kendiri) berdasarkan kriteria kejayaan boleh digunakan oleh pelajar sebagai perancah untuk membimbing penulisan karangan atau boleh digunakan di akhir untuk menyemak hasil karangan mereka. <p>3. Maklum Balas Lanjutan (jika perlu): Pemeriksaan / Penyuntingan / Maklum Balas Rakan Sebaya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan latihan penilaian rakan sebaya yang mana rakan akan memberikan komen dengan menggunakan senarai semak. |
| <p>Tahap 3: Maklum Balas (<i>performance feedback stage</i>) Para pelajar memahami bagaimana hasil kerja mereka dapat ditingkatkan berdasarkan maklum balas bertulis, perbincangan tepat pada masanya atau berkaitan standard. Kemudian penulisan</p> | <p>4. Tugasan 2: Melakukan perubahan kepada tugasan 1.</p> <p>5. Penghantaran Tugasan kepada guru untuk disemak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menggunakan borang simbol pemarkahan • komen bertulis disertakan dalam karangan sebagai maklum balas yang membina • guru menggunakan borang rubrik penilaian untuk menilai isi dan bahasa <p>6. Feedback: Guru memulangkan tugasan pelajar dan bersertakan borang refleksi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Para pelajar perlu membaca hasil karangan mereka |



| | |
|---|---|
| <p>renungan membantu untuk mengambil tindakan untuk <i>Feed Forward</i> bagi karangan seterusnya.</p> | <p>dan komen yang diberikan lalu menulis refleksi berdasarkan 4 persoalan yang diberikan. Borang refleksi ini akan digunakan sebagai panduan bagi sesi dialog bersama guru.</p> <p>7. Feed Forward: Sesi Dialog antara Guru dan Pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang rubrik penilaian akan diberikan bagi memandu sesi dialog <p>Semasa perbincangan, guru akan menggalakkan pelajar untuk mengenal pasti kelemahan dan perkara yang ingin diberikan tumpuan untuk memperbaiki bagi karangan seterusnya.</p> |
|---|---|

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, para pelajar telah menunjukkan sikap positif semasa melaksanakan tugas. Para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam setiap tahap atau proses yang dijalankan. Mereka dapat menggunakan senarai semak yang diberikan dengan efektif untuk menghasilkan penulisan yang lengkap, terutama sekali dengan adanya ruang untuk melakukan penilaian rakan sebaya. Pelajar berhasil memberikan komen atau maklum balas yang terperinci dan menambah nilai pada penulisan rakan. Ini menunjukkan pemahaman mereka terhadap kriteria kejayaan yang perlu dicapai. Para pelajar juga berjaya menunjukkan peningkatan dalam mutu penulisan berdasarkan pembetulan yang dilakukan setelah mendapat maklum balas rakan sebaya. Ini disokong oleh pengkaji McConlogue (2015) yang menjelaskan bahawa,

“being exposed to the work of peers helps students self-evaluate their own production more effectively because they are making comparisons between their own work and that of others.”

Hasil dapatan refleksi dan maklum balas para pelajar juga menunjukkan bahawa pelajar kini bertambah yakin untuk mengawal diri dan mengatur pembelajaran mereka sendiri dengan bertindak berdasarkan maklum balas. Refleksi yang dilakukan pelajar lebih mendalam dan memaparkan pemikiran yang analitikal. Mereka lebih reflektif akan kekuatan mereka sendiri dan

juga lebih memahami bahagian kelemahan yang perlu diberikan tumpuan berdasarkan maklum balas guru. Pelajar juga menyatakan bahawa maklum balas yang diberikan amat membantu untuk mereka memahami tahap penulisan sendiri dan apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan prestasi penulisan mereka untuk penulisan yang seterusnya. Refleksi dan maklum balas pelajar teradapat dalam Jadual 3 dan 4.

Jadual 3: Contoh Refleksi Pelajar

| | |
|-----------------|---|
| Soalan 1 | Saya mendapati kekuatan saya dalam penulisan karangan ini ialah: |
| Pelajar 1 | Menggambarkan watak dan sifat watak, menceritakan konflik dan impak dalam cerita. |
| Pelajar 2 | Kosa kata yang luas dan penggunaan frasa-frasa berbunga yang sesuai. |
| Pelajar 3 | Jalan cerita yang lebih menarik berbanding karangan saya sebelumnya dan penutup cerita yang dapat diselitkan dengan pengajaran. |
| Soalan 2 | Saya mendapati kelemahan saya dalam karangan ini ialah: |
| Pelajar 1 | Jalan cerita saya yang kurang menarik kerana tidak ada konflik di dalam cerita ini. |
| Pelajar 2 | Penggunaan kosa kata yang salah dan tidak tepat, struktur ayat yang salah dan bahasa saya masih agak lemah terutama sekali imbuhan. |
| Pelajar 3 | Perkembangan cerita saya tidak mencukupi dan saya harus menerangkan beberapa bahagian cerita dengan lebih lanjut agar dapat memenuhi kehendak soalan. |
| Soalan 3 | Berdasarkan maklum balas guru, apakah satu perkara yang boleh saya perbaiki dalam karangan saya seterusnya? |
| Pelajar 1 | Saya akan lebih berhati-hati dengan penggunaan kata ganti nama “aku” secara konsisten dan tidak bertukar ganti dengan kata ganti nama “saya” dan menggunakan imbuhan saya dengan betul. |
| Pelajar 2 | Saya ingin cuba melebihi tumpuan cerita kepada plot cerita yang membawa lebih impak dengan mengadakan konflik dan klimaks yang lebih sesuai. |
| Pelajar 3 | Saya ingin memperbaiki bahagian penutup cerita saya dengan memastikan adanya pengajaran dan cerita tidak tergantung. |
| Pelajar 4 | Saya ingin menggunakan kosa kata yang lebih baik dan pelbagai. Mungkin saya akan cuba selitkan beberapa peribahasa dalam karangan saya. |
| Pelajar 5 | Saya ingin memperbaiki imbuhan dan menggunakan kata tugas yang sesuai dan betul. |



Jadual 4: Perbandingan Dapatan Berdasarkan Borang Maklum Balas Pelajar

| No. | Perkara | Penggal 1 | Penggal 4 | Perbezaan |
|-----|---|-----------|-----------|-----------|
| 1 | Maklum balas yang diberikan guru mudah saya fahami. | 3.36 | 3.59 | +0.23 |
| 2 | Maklum balas yang diberikan oleh guru sesuai. (Tidak terlalu ringkas mahupun terlalu panjang) | 3.00 | 3.36 | +0.36 |
| 3 | Guru saya menggunakan bahasa yang proaktif dan dapat meningkatkan motivasi saya. | 3.09 | 3.36 | +0.27 |
| 4 | Guru saya memberikan maklum balas secara terpandu dan khusus. | 3.36 | 3.64 | +0.28 |
| 5 | Saya berasa selesa dan selamat ketika menerima maklum balas daripada guru saya. | 2.9 | 3.45 | +0.55 |
| 6 | Saya dapat melihat kekuatan dan kelemahan saya dalam latihan penulisan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh guru. | 3.09 | 3.09 | 0 |
| 7 | Saya tahu bagaimana untuk memperbaiki kemahiran menulis saya selepas membaca maklum balas guru. | 3.18 | 3.45 | +0.27 |
| 8 | Saya boleh menggunakan maklum balas yang diberikan untuk memperbaiki kemahiran menulis saya. | 3.45 | 3.50 | +0.05 |
| 9 | Saya berasa lebih yakin untuk meningkatkan prestasi saya setelah menerima maklum balas daripada guru. | 2.90 | 3.09 | +0.19 |
| 10 | Secara keseluruhan, maklum balas guru dapat membantu saya memperbaiki penulisan saya. | 2.95 | 3.27 | +0.32 |


| Soalan 11 | | Apakah yang kamu suka mengenai cara guru kamu memberikan maklum balas kepada kamu? |
|------------------|---|---|
| Pelajar 1 | Saya suka cara cikgu memberi kata-kata perangsang dalam maklum balasnya untuk menggalakkan saya membuat lebih baik. Guru juga akan memberikan satu perkara yang boleh saya bantu memperbaiki penulisan saya seperti menguatkan struktur ayat. | |
| Pelajar 2 | Guru saya telah memberi maklum balas mengenai kelemahan saya dan saya dapat melihat apa yang harus diperbaiki. | |

| | |
|------------------|---|
| Pelajar 3 | Guru memberi maklum balas yang jelas tentang bahagian yang saya harus memperbaiki seperti imbuhan dan kata tugas. |
| Pelajar 4 | Saya suka cara cikgu memberitahu kelemahan saya dan membantu saya dalam aspek itu. Teguran bukan sekadar memberitahu tetapi menolong. Saya rasa bahawa cikgu bersungguh-sungguh mahu menolong saya dan ini memberi motivasi. Memberitahu kelemahan saya telah membantu saya meningkatkan penggunaan bahasa Melayu saya lalu menolong saya mencapai tahap yang lebih tinggi. Saya juga suka bagaimana cikgu saya berikan maklum balas secara individu. |
| Pelajar 5 | Maklum balas yang diberikan sangat senang untuk fahami dan rubrik yang diberikan membantu mengukuhkan maklum balas dengan lebih jelas walaupun tiada markah yang diberikan. |
| Soalan 12 | Bagaimana guru kamu boleh memperbaiki caranya dalam memberikan maklum balas kepada kamu? |
| Pelajar 1 | Saya rasa maklum balas boleh lebih mendalam. Seperti contoh, mungkin cikgu boleh memberi maklum balas seperti cara-cara saya boleh gunakan untuk memperbaiki mutu karangan saya. Sebagai contoh, mungkin cikgu boleh jelaskan bahagian mana yang saya boleh gunakan frasa-frasa berbunga dan dialog untuk menjadikan cerita saya lebih menarik. |
| Pelajar 2 | Guru boleh memberikan maklum balas tentang apa yang boleh saya lakukan untuk mendapat markah yang lebih cemerlang. |
| Pelajar 3 | Mungkin cikgu boleh membantu dengan memberikan lebih banyak idea dan informasi serta mungkin memberikan contoh karangan yang baik. Saya juga suka bekerja secara berpasangan atau berkumpul dalam menghasilkan karangan. |
| Pelajar 4 | Mungkin cikgu boleh memberikan maklum balas kepada saya secara lisan juga supaya saya lebih memahami apa yang cuba cikgu nyatakan dalam maklum balas yang dituliskan. |

Hasil dapatan daripada keputusan peperiksaan akhir tahun juga menunjukkan adanya peningkatan dan prestasi yang lebih baik oleh sebilangan pelajar, berbanding ujian yang diambil pada penggal 1. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *Feed Forward* dan model *Dialogic Feedback Cycle* ini telah membiasakan para pelajar untuk mengatur pembelajaran mereka sendiri serta membantu para pelajar menjadi lebih peka agar tidak mengulangi kesilapan dan memperbaiki kelakonan mereka pada masa hadapan.



Rajah 1: Perbandingan Markah Pelajar



KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan model *Dialogic Feedback Cycle* dapat menggalakkan para pelajar untuk mengatur pembelajaran mereka sendiri serta meningkatkan prestasi para pelajar dalam penulisan. Ini kerana proses penilaian dan pemberian maklum balas sering dilakukan di setiap tahap pembelajaran, dan bukan hanya di akhir penulisan. Walaupun peningkatan para pelajar kelihatan agak kecil dan kurang kelihatan impaknya, lanjutan dari pembelajaran ini diharapkan dapat menyumbang pada kemajuan pelajar pada akhir empat atau lima tahun berada di sekolah menengah.

Para guru juga perlu terus gigih dalam latihan penulisan maklum balas yang efektif, pada masa yang sama mengetahui tahap dan jenis maklum balas yang paling sesuai dengan pelajar pada jangka masa tertentu agar dapat mempertingkatkan pembelajaran mereka. Lantas, peranan guru dalam proses penilaian penting agar dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk terus menghasilkan penulisan yang bermutu.

Para pengkaji juga berharap maklum balas yang berkesan dapat meningkatkan dan mempromosikan pembelajaran yang berterusan, yang

mana para pelajar dapat belajar, memperbaiki dan bertindak balas dengan lebih berkesan dalam jangka masa panjang. Diharapkan juga, bentuk dan cara penilaian yang dibincangkan untuk menepati keperluan masa kini bukanlah satu huraian jangka masa singkat, malah meninggalkan kesan mendalam bagi keperluan para pelajar untuk dipertanggungjawabkan atas pembelajaran mereka sendiri. Malah, seperti yang dinyatakan Boud (2000), penilaian sebeginilah yang diperlukan untuk menjadikan para pelajar “master of their own learning”.

RUJUKAN

- Beaumont, C., O’Doherty, M., & Shannon, L. (2011). Reconceptualising assessment feedback: a key to improving student learning? *Studies in Higher Education*, 36(6), 671-687.
- Boud, D. (2000). Sustainable assessment: rethinking assessment for the learning society. *Studies in continuing education*.
- Boud, D., & Molloy, E. (2013). Rethinking models of feedback for learning: The challenge of design. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 38(6), 698-712.
- Carless, D., & Boud, D. (2018): The development of student feedback literacy: Enabling uptake of feedback, *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 43(8), 1315-1325. DOI:10.1080/02602938.2018.1463354
- Carless, D., & K. K. H. Chan. (2017). Managing dialogic use of exemplars. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 42(6), 930-941.
- Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. *Review of Educational Research*.
- Hounsell, D. (2007). Towards more sustainable feedback to students. In *Rethinking Assessment in Higher Education*, ed. D. Boud and N. Falchikov, 101-13. London: Routledge.



- Lipnevich, A. A., Berg, D. A. G., & Smith, J. K. (2017). Toward a model of student response to feedback. In G. T. L. Brown & L. R. Harris (Eds.), *The handbook of human and social conditions in assessment* (pp. 169-185). New York: Routledge.
- Nicol, D. (2010). From monologue to dialogue: Improving written feedback processes in mass higher education. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 35(5), 501-517.
- Nicol, D. J., & Macfarlane-Dick, D. (2006). Formative assessment and self-regulated learning: a model and seven principles of good feedback practice. *Studies in Higher Education*.
- Nicol, D., Thomson, A., & Breslin, C. (2014). Rethinking feedback practices in higher education: a peer review perspective. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 39(1), 102-122.
- Sadler, D. R. (2007). Perils in the meticulous specification of goals and assessment criteria. *Assessment in Education*.
- Sadler, D. R. (2010). Beyond feedback: Developing student capability in complex appraisal. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 35(5), 535-550.
- Tay, H. Y. (2017). The role of heads of departments in assessment. *Curriculum Leadership by Middle Leaders: Theory, Design and Practice*. K. H. K. Tan, C. Lim-Ratnam and M. Heng. London, Routledge.
- Zimmerman, B.J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41 (2), 64-70.